

Tidur tak lena

Penduduk berdepan hakisan tanah serius



Dawiah dan Hasnah (kanan) melihat kesan hakisan tanah yang bertambah serius di belakang rumah mereka.

SUNGAI BUAYA – Ibarat nyawa di hujung tanduk.

Itu peribahasa paling tepat bagi menggambarkan keresahan penduduk di Jalan Rampaisari 3C di sini yang berdepan masalah hakisan tanah serius.

Mereka bimbang kejadian itu akan mengundang tragedi tanah runtuh sekiranya dibiarkan.

Seorang warga emas, Dawiah Md Ibrahim, 74, antara yang amat resah dengan keadaan itu kerana rumahnya hanya kurang tiga meter dari kawasan hakisan.

“Makcik sangat gelisah bila hujan kerana rekahan dan hakisan pasti bertambah.

“Malah, tidur malam juga tidak lena apabila memikirkan keadaan ini,” katanya ketika di-

temui di sini semalam.

Menurut Dawiah, masalah itu sudah dialami sejak tahun 2004 iaitu ketika arwah suaminya masih ada.

Jelasnya, sejak itulah aduan demi aduan dibuat kepada pihak berkuasa namun sehingga kini masih belum ada tindakan penyelesaian diambil.

Sambil melahirkan kekecewaan, Dawiah tetap berharap ada pihak yang prihatin seterusnya menyelesaikan masalah mereka.

Hasnah Masdar, 63, pula bimbang memikirkan nasib mereka yang tinggal di kawasan berisiko itu.

Hasnah berkata, dia dan Dawiah sering tinggal sendirian kerana anak-anak mereka bekerja di luar kawasan itu

dan hanya pulang pada hujung minggu.

“Aduan semua sudah dibuat kepada pihak dan jabatan berkaitan seperti Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun masih belum ada kerja pembaikan dilakukan,” katanya.

Katanya, pada peringkat awal hakisan tanah itu hanya pada tahap biasa namun aduan tetap dibuat penduduk.

Bagaimanapun, hakisan bertambah buruk pada September tahun lalu dan kini keadaan semakin serius sehingga mengundang ke-retakan pada struktur jalan dan dinding rumah.